

# IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



**LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan: Duta Sosial & Kebajikan**  
PTAR Shah Alam - muka 6



**Perbincangan Kolaborasi Antara PTAR & Unit Perkhidmatan OKU**  
PTAR Shah Alam - muka 10



**Library Outreach Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022**  
PTAR Alor Gajah - muka 15



**LIVE@PTDI Sembang Santai: Dari Segamat ke England**  
PTAR Segamat - muka 22



**LIVE@PTAR Better Marks Secrets Online Databases**  
PTAR Kedah - muka 33

**PROMOSI@PTAR**



Disediakan oleh: Shazmie Huzni Mohd Sidik



Untuk menonton  
semula:



Pada 23 Januari 2022 telah berlangsung program Live@PTAR: Easy Search Easy Reach, anjuran pelajar kursus KIM120 4A Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah yang disiarkan melalui platform YouTube & Facebook Rasmi PSB, UiTM Cawangan Kedah. Program yang berlangsung selama 2 jam ini dijalankan untuk memberikan penjelasan teknik-teknik pencarian bahan atau maklumat di dalam perpustakaan dengan menggunakan koleksi digital yang telah disediakan oleh pihak perpustakaan kepada pengguna.

Program ini telah dikendalikan oleh Nursyuhaidah Binti Rozali Pelajar KIM120 4A dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah selaku moderator bersama panel jemputan iaitu Puan Noor Azlin Abdullah, Pustakawan Kanan di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.

Objektif program ini dianjurkan adalah untuk membantu pelajar supaya lebih memahami dengan menggunakan teknik yang betul dalam mendapatkan bahan atau maklumat, bagi membantu para pelajar menyelesaikan tugas dengan lebih cepat dengan menggunakan koleksi yang telah disediakan oleh pihak perpustakaan. Di antara topik-topik yang telah dijelaskan adalah seperti Online Public Access (OPAC), Myknowledge Management (MYKM), dan Online Database yang disediakan oleh perpustakaan untuk kegunaan para pelajar.

Program ini telah berjaya mendapat sebanyak 941 tontonan menerusi platform YouTube Live sepanjang program siaran langsung ini berjalan.

